

'Penetapan gaji minimum idea PM'

BH 19 APR 2000

Laporan Jamhariah Jaafar, Wan Hazmir Bakar dan Mohd Zin-Ali

KLJALA LUMPUR, Selasa — Penetapan RM 1,200 sebagai gaji minimum oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam cadangannya kepada kerajaan adalah hasil daripada idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri.

Senator Zainal Rampak berkata, Dr Mahathir menyatakan jumlah itu apabila diminta memberi pandangan ketika rombongan MTUC bertemu beliau pada 7 Ogos 1998, untuk berbincang mengenai perkara itu.

Zainal yang juga Presiden MTUC berkata, Perdana Menteri menjelaskan baha-

wa beliau mendapati jumlah itu adalah wajar selepas menyoal pemandunya mengenai kos saraan hidup pada masa itu.

"Pada masa itu MTUC hanya ingin mencadangkan gaji minimum ditetapkan pada RM600, tetapi apabila berjumpa beliau, saya sendiri terperanjat," katanya menjawab soalan Senator Gapar Gurrohu ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara hari ini.

MTUC baru-baru ini mengemukakan cadangan supaya kerajaan melaksanakan gaji minimum bagi pekerja

di semua sektor dan menetapkan jumlahnya pada RMI ,200 sebulan.

Bagaimanapun, cadangan itu mendapat tentangan terutama daripada majikan yang menganggap ia terlalu tinggi dan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran, sekaligus menjejaskan produktiviti dan daya persaingan negara.

Sehubungan itu, MTUC diminta mengkaji semula perkara itu dengan mengambil kira pandangan pihak lain serta mengemukakan cadangan baru berhubung penetapan nilai gaji minimum.

Zainal berkata, kerajaan serta Majlis Tindakan Eko-

nomi Negara (MTEN) pada prinsipnya menerima cadangan MTUC dilaksanakan gaji minimum untuk pekerja di semua sektor.

Beliau yang juga anggota MTEN berkata, cabaran sekarang ialah menetapkan nilai gaji minimum itu supaya dapat diterima semua pihak.

"Saya harap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, dapat menyelesaikan masalah ini," katanya.

Zainal juga berkata, kerajaan harus membenarkan penubuhan kesatuan peringkat kebangsaan seperti Kesatuan Kibangsaan Pekerja Elektro-

nik bagi memperjuangkan nasib pekerja dalam sektor berkenaan.

Katanya, kerajaan harus memandang penubuhan kesatuan dari sudut positif kerana dengan adanya kesatuan dan mekanisme perundingan bersama membolehkan pekerja mendapat ganjaran sewajarnya, sekali gus menyumbang ke arah penghapusan kemiskinan.

"Tujuan kesatuan bukan untuk mengambil tindakan perusahaan, tetapi memastikan rundingan gaji dan syarat kerja yang lebih baik. Buktinya sejak 30 dan 40 tahun lalu kesatuan tidak pernah mengadakan mogok



secara besar-besaran," katanya.

Bercakap kepada pembekita kemudian, Zainal berkata majikan seharusnya memberi cadangan membina berhubung nilai gaji minimum itu, bukan membantah cadangan yang dikemukakan MTUC.

Beliau berkata, malangnya sehingga sekarang tiada satu pun cadangan diterima MTUC daripada majikan.

"Kalau mereka bantah jumlah RMI ,200 yang dicadangkan, beritahu kita berapa jumlah yang sepatutnya," katanya.